

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

28 MAC 2019

KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
BERITA HARIAN	PEMILIK KILANG WARGA SINGAPURA DIKENAL PASTI	2
SINAR HARIAN	RAMPAS SYABU 190.7KG	3
SINAR HARIAN	MAHKAMAH TINGGI KURANGKAN IKAT JAMIN TERHADAP SUSPEK	4
HARIAN METRO	TEH 'PERISA' SYABU	5
HARIAN METRO	KERJASAMA POLIS SINGAPURA KESAN PEMILIK KILANG BABIT SISA TOKSIK	6
THE STAR	HIGH COURT REVIEWS BAIL RULING IN SG KIM KIM CASE	7



BERITA HARIAN

BH Khamis, 28 Mac 2019

Pst - 28/3/2019

PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM

Pemilik kilang warga Singapura dikenal pasti

Polis tak siar nama suspek elak ganggu siasatan

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfaahmi@bh.com.my

Johor Bahru

Polis sudah mengenal pasti identiti individu seorang lagi warga Singapura yang dipercayai pe-

milik kilang terbabit dalam kes pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim, 7 Mac lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd, berkata pihaknya sudah mengenal pasti identiti individu berkenaan dan menyalurkan maklumat kepada polis negara itu.

"Kami (polis) bagaimanapun tidak akan menyirarkan nama kilang atau individu berkenaan identitinya. Usaha sama sedang dijalankan."

Seorang sudah didakwa
"Kita bekerjasama dengan polis republik berkenaan, ya kami sudah mengenal pasti identitinya,"




Mohd Khalil Kader Mohd,
Ketua Polis Johor

Usaha sama sedang dijalankan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Johor di sini, semalam.

Isnin lalu, sebuah kilang pemprosesan tayar terpakai, P Tech Resources Sdn Bhd dan dua lelaki, termasuk seorang warga Singapura didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, atas 15 pertuduhan masing-masing membabitkan kesalahan gagal mematuhi pemantauan udara bersih dan buangan terjadual di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

Pencemaran sungai itu menyebabkan lebih 4,000 penduduk terpaksa mendapatkan rawatan.



SINAR HARIAN

R/S/2025 nainy/wiryo

NASIONAL

Rampas syabu 190.7kg

Dianggar bernilai RM9.5 juta, empat pelaki tempatan turut ditahan

MOHD FIRDAUS YON

JOHOR BAHRU

Selepas merampas 2.06 tan syabu yang disifatkan terbesar dalam sejarah, Polis Johor sekali lagi berjaya mematahkan cubaan menyeludup dadah seberat 190.7 kilogram (kg) dengan penahanan empat pelaki tempatan dalam dua serbuan di sekitar Iskandar Puteri di sini, Isnin lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd berkata, dadah jenis syabu yang dirampas itu disembunyikan dalam



Laporan Sinar Harian 23 Mac lalu.



Mohd Khalil menunjukkan dadah yang dirampas.

bungkus teh Cina yang dijumpai dalam sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Vellfire.

Beliau berkata, rampasan itu adalah susulan kejayaan polis merampas dadah seberat 2.06 tan dengan nilai RM103.2 juta di Ulu Tiram pada 19 Mac lalu.

Mohd Khalil berkata, berdasarkan maklumat,

polis telah membuat satu serbuan pada jam lebih kurang 1.30 petang dan merampas dadah disyaki syabu di sekitar Iskandar Puteri, Johor.

"Empat pelaki tempatan berusia antara 35 hingga 48 tahun turut ditahan dalam operasi bermula pada 1.30 hingga 7.30 petang, manakala jumlah dadah syabu

dirampas 190.7 kg," katanya pada sidang media di IPK Johor, semalam.

Mohd Khalil berkata, nilai keseluruhan rampasan dadah terbabit bernilai RM9.5 juta dan dipercayai untuk kegunaan anggaran 380,000 penagih.

"Ketanya, kesemua suspek terbabit telah direman bagi siasatan lanjut di ba-

Syabu seberat 190.7 kg
Bekalan untuk 380,000 penagih

Disembunyi dalam bungkus teh Cina
Empat pelaki tempatan berusia antara 35 hingga 48 tahun turut ditahan

Dihasil dari luar negara
Transit di Malaysia

saya menyeru kepada semua untuk membantu kita membanteras mereka ini, daripada menjadikan Johor sebagai satu tempat transit dadah," katanya.

Mohd Khalil berkata, dadah terbabit juga diperlukan pembungkusan dadah terbabit, modus operandi digunakan adalah sama seperti kes terdahulu di Seri Alam, selain ia dihasilkan di luar negeri ini.

"Sekarang ini kita lihat Johor semakin dilihat sebagai satu tempat transit. Jadi



SINAR HARIAN

NASIONAL

Sinar Harian 28/3/19

Mahkamah Tinggi kurangkan ikat jamin terhadap suspek

JOHOR BAHRU - Mahkamah tinggi di sini, membekalkan pengurangan ikat jamin terhadap pemandu lori dan seorang pengarah syarikat atas pertuduhan membuang serta bersubahat melupuskan bahan sisa kimia ke Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

Selain itu, mahkamah turut memberikan jaminan terhadap seorang lagi pengarah syarikat warga Singapura yang sebelum ini, tidak diberikan jaminan atas pertuduhan sama.

Keputusan tersebut dibuat selepas semakan kehakiman keputusan Mahkamah Sesyen ke atas N Maridass, 35, Yap Yoke Liang, 42, serta Wang Jin Choa, 34, dilakukan.

Hakim Datuk Ahmad

SUNGAI KIM KIM TERCEMAR

Kamal Md Shahid membenarkan wang jaminan terhadap Maridass dikurangkan daripada RM100,000 kepada RM30,000 selepas mendengar rayuan pihak pendakwaan dan pembelaan.

Mahkamah turut mengurangkan jaminan ke atas Yoke Liang daripada RM250,000 kepada RM150,000 dan mengekalkan keputusan seorang penjamin serta melaporkan diri ke Balai Polis Pasir Gudang setiap 1 haribulan sehingga selesai prosiding.

Bagi Jing Choa mahkamah membenarkan dia diikat jamin sebanyak RM250,000 berserta dua penjamin tempatan selain perlu melaporkan diri setiap 15 haribulan di balai polis sama serta menyerah-




Tertuduh dibawa ke mahkamah tinggi, semalam.

kan pasport.

Ahmad Kamal dalam alasannya ketika memberikan keputusan tersebut menganggap Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf dalam memberikan keputusan jaminan terhadap semua

tertuduh.

Bagaimanapun beliau bersetuju agar diberikan jaminan setimpal dengan mengambil kira kes tersebut sebagai serius dan mengelak tertuduh melarikan diri.



HARIAN METRO



Teh 'perisa' syabu

■ Polis tumpas sindiket rangkaian dadah RM9.5 juta

Ibrahim Isa
Ibrahim@hmetro.com.my

Johor Bahru

Polis Johor menumpas rangkaian sindiket pengedaran dadah yang menggunakan bungkus teh Cina hasil dua serbuhan dengan nilai rampasan berjumlah lebih RM9.5 juta di sekitar Iskandar Puteri, Isrin lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd berkata, serbuan dilakukan hasil soal siasat terhadap empat supek ditahan dalam serbuan di Ulu Tiram pada 19 Mac lalu.

Menurutnya, hasil soal siasat dan intipan dilakukan pihaknya berjaya menahan empat pelaku menaiki sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Vellfire di sekitar Iskandar Puteri pada jam 1.30 petang.



KENDERAAN digunakan sindiket dadah.

Katanya, pemerkasaan membawa kepada penemuan dadah dipercai syabu, seberat 190.7 kilogram (kg) bernilai RM9.53 juta dalam kenderaan itu.

Selain dadah dibungkus dalam bungkus teh Cina dalam modus operandi sama seperti tangkapan sebelumnya.

"Selain merampas dadah dan kenderaan, kami mem-

susulan rampasan terbesar pada 19 Mac lalu dengan 2.06 tan jumlah rampasan bernilai RM103.2 juta.


Memurah Mohd Khalil, polis yakin dadah itu untuk pasaran luar negara.

Katanya, semua suspek diberkas kini ditahan reman sehingga 31 Mac depan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Kami percaya dadah ini boleh menampung 380,000 penangih dadah."

"Kami menggandakan usaha dan bekerjasama dengan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Agensi Pengauktuasaan Matrim Melayusia (Maritim Malaysia) untuk membantera pengedaran dadah."

"Keadaan masih terkawal, namun menggesa orang ramai menyuluarkan maklumat supaya polis dapat mengambil tindakan segera," katanya.



HARIAN METRO

Johor Bahru

Kerjasama polis Singapura kesan pemilik kilang babit sisa toksik

Polis Johor bekerjasama dengan Polis Republik Singapura bagi mengesan individu dari negara berkenaan dipercayai pemilik kilang yang terbabit dalam kes pembuangan sisa toksik di Sungai Kim Kim, 7 Mac lalu.


Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd berkata, pihaknya sudah mengenal pasti identiti individu berkenaan dan menyalurkan maklumat kepada polis negara itu.

“Bagaimana, kami (polis) tidak akan menyiarkan nama kilang atau individu terbabit kerana ia akan


mengganggu siasatan.

“Kita bekerjasama dengan polis republik berkenaan.. Ya, kami sudah mengenal pasti identitinya.. Usahasama sedang dijalankan,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, semalam.

Terdahulu, pencemaran Sungai Kim Kim di Pasir Gudang menyebabkan lebih 5,000 penduduk terutama murid dan pelajar sekolah terpaksa mendapatkan rawatan awal akibat sesak nafas, pening kepala, loya serta muntah.



THE STAR



Day in court: Police escorting Wang and Maridass to the High Court in Johor Baru. **THE STAR**
28/3/19

High Court reviews bail ruling in Sg Kim Kim case

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: The High Court here has reviewed the ruling made by the Sessions Court in the Sungai Kim Kim chemical dumping case in Pasir Gudang by reducing the bail for two of the accused and offering bail to the third one.

P Tech Resources Sdn Bhd directors Wang Jing Chao, a Singaporean, and Yap Yoke Liang, as well as their lorry driver N. Maridass were charged in the Sessions Court on Monday.

Maridass is accused of illegally disposing of chemicals into Sungai Kim Kim on March 7, while Wang and Yap are charged with conspiring with him.

All three were charged under Section 34B(1)(a) of the Environment Quality Act 1974.

Yap and Wang were also charged under Section 42 of the same Act.

After they were charged, Sessions Court judge Jailani Rahman imposed a RM100,000 bail on Maridass and RM250,000 on Yap in one surety each.

He also ordered Yap to hand over his pass-

port, while Wang was not offered bail since he is a foreigner.

High Court judge Justice Ahmad Kamal Md Shahid said the Sessions Court judge did not provide a reason to justify his ruling on bail for the three.

The Sungai Kim Kim incident has been receiving attention not only in Johor but also throughout Malaysia, having been intensively reported by the media.

"The High Court has the right to review the decision and I found that the learned judge has made a mistake," he said before giving his decision yesterday.

Justice Ahmad Kamal reduced Maridass' bail from RM100,000 to RM30,000, Yap from RM250,000 to RM150,000, and offered Wang a bail of RM250,000 with two Malaysian sureties.

Wang must also report to the Pasir Gudang police station on the 15th of every month until the case is over.

Deputy public prosecutor Roslan Md Nor represented the prosecution while G. Subramanian Nair acted for Yap and Wang, and S. Rathakrishna for Maridass.

All three posted bail.

